

# Dr. M nasihatkan penyokong BN jangan terlalu yakin

UM 21 NOV 1999

Oleh MOHD. KAMIL YUSUFF  
dan NIZAM ABDUL HAMID

JITRA 20 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kebimbangannya mengenai sikap terlalu yakin penyokong-penyokong Barisan Nasional (BN) bahawa

parti itu akan menang di sesuatu kawasan hingga menyebabkan mereka tidak keluar mengundi.

Menurut Perdana Menteri, inilah masalah yang dihadapi oleh BN apabila ramai orang berkata parti itu akan memperoleh kemenangan dengan kelebihan yang besar di

satu-satu kawasan yang ditan-  
dingi.

Katanya, apabila ramai penyokong BN yang beranggapan demikian, mereka mengambil sikap untuk tidak keluar mengundi dan ini boleh menda-  
tangkan masalah kepada calon-calon BN yang bertanding.

“Inilah masalah yang sering kita hadapi. Semua orang kata BN akan menang dengan kelebihan undi yang besar. Jadi kerana menganggap kita akan menang, tidak payah keluarlah (mengundi),” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas

■ Lihat muka 10

UM 21 NOV 1999

ditemu ramah secara langsung oleh Radio Malaysia Kedah di Mini Studio K3P di Pejabat Daerah Kubang Pasu, di sini hari ini.

Terdahulu Perdana Menteri menyerahkan borang pencalonan untuk bertanding di Parli-  
men Kubang Pasu di pejabat daerah yang

## Dr. M nasihatkan penyokong BN jangan

menjadi Pusat Penamaan Calon bagi kawasan itu.

Dalam pilihan raya 29 November ini, Dr. Mahathir yang akan mempertahankan kerusi yang dimenangnya sejak lima penggal lalu akan menghadapi pertandingan satu lawan satu menentang calon Pas, Subky Latif.

Pengerusi BN itu berkata, fenomena terlalu yakin dengan kemenangan BN itu berlaku di banyak tempat termasuk di Kubang Pasu, kawasan Parlimen yang diwakilinya.

Dr. Mahathir berkata, ramai yang mengambil sikap negatif itu dan tidak keluar mengundi

## terlalu yakin

dengan alasan walaupun BN mendapat kelebihan satu undi, kira menang juga.

“Mereka berpendapat walau (menang) satu undi pun, ia dikira kemenangan juga. Di Kubang Pasu pun sama juga masalahnya.” ujarnya.

“Mengenai keyakinannya untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu, Dr. Mahathir berharap beliau akan memenangi sekali lagi kerusi tersebut walau dengan berapa undi sekalipun.

“Tahun 1995 saya menang lebih 17,000 undi. Tahun ini dapat 17,000 (undi) pun alhamdulillah. Yang penting saya menang,” ujarnya.